

13/03/2000

Kelab tawar program lesen penerbangan paling murah

KEPALA BATAS, Ahad - Orang ramai yang berminat menjadi juruterbang berpeluang mendapatkan Lesen Penerbangan Peribadi Terhad (PPLR) dengan kadar paling murah di negara ini.

Ia ditawarkan oleh Kelab Penerbangan Kedah (KFC) pada kadar RM9,800 berbanding sehingga RM24,000 yang dikenakan kelab penerbangan lain.

Program meliputi latihan di darat, 40 jam penerbangan dengan pesawat Bulldog B100, yuran keahlian dan sekali percubaan ujian serta peperiksaan.

Presiden KFC, Kapten Ahmad Zabidi Md Zain berkata, pihaknya mampu menawarkan kadar bayaran yang rendah kerana KFC mendapat tajaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk pesawat B100 dan Petronas yang membekalkan bahan api.

"Justeru, mereka yang berminat perlu merebut peluang ini. Program itu juga selaras dengan cita-cita Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mendedahkan industri penerbangan di kalangan rakyat Malaysia," katanya hari ini.

Mereka yang berminat menyertai latihan yang bermula bulan ini boleh menghubungi KFC telefon 04-7145051 atau e-mel tedung-mig29@hotmail.com untuk maklumat lanjut.

Sementara itu, program Rakan Muda Udara Kedah yang dikendalikan KFC mendapat sambutan menggalakkan daripada golongan remaja.

Bagi pengambilan 1997 dan 1998, hanya seramai 60 peserta didaftar menyertai program itu walaupun bilangan mereka yang berminat lebih ramai. Bagi pengambilan sesi 2000 pada Jumaat lalu lebih 90 peserta hadir tetapi KFC hanya mampu mendaftar 60 peserta.

Jurulatih penerbangan, Kapten Adam Abdullah berkata, pihaknya tidak dapat menerima banyak penyertaan kerana tidak mempunyai tenaga yang mencukupi untuk melatih mereka.

"Kami tidak mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi dan justeru itu tidak dapat mengambil lebih ramai walaupun ramai berminat," katanya.

Pengerusi Rakan Muda Udara, Kapten Sabarudin Arifin berkata, pihaknya mahu memastikan program itu bergerak lancar, sekali gus melahirkan generasi muda yang mampu menilai perubahan dalam bidang penerbangan.

Ia juga dapat memupuk minat golongan remaja terhadap bidang penerbangan serta menceburi sektor itu apabila mereka dewasa.

(END)